

26/09/1997

Bank Dunia sedia bantu atasi jerebu (HL)

Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Khamis - Masalah jerebu yang melanda beberapa negara di rantau ini mendapat perhatian Bank Dunia yang menyatakan kesediaannya memberikan bantuan kewangan dan kepakaran bagi membiayai sebarang usaha mengatasinya.

Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn, berkata institusi itu bersedia menawarkan bantuan kecemasan kepada Malaysia dan Indonesia untuk menangani masalah jerebu berpunca daripada kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera.

Menurutnya, Bank Dunia sebagai agensi antarabangsa yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan isu sosial masyarakat sejagat sanggup memberi bantuan demi kepentingan kesihatan serta alam sekitar di negara berkenaan.

Beliau berkata, selain bantuan kewangan, Bank Dunia juga sudah bersetuju untuk menghantar sekumpulan pegawai dan pakar ke Malaysia serta Indonesia untuk mengkaji krisis jerebu yang nampaknya semakin meruncing.

"Negara terbabit kini menghadapi situasi yang amat menyedihkan dengan jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan. Oleh itu, jika perlu kami sedia memberi bantuan kewangan kecemasan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Mesyuarat Tahunan Kewangan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di sini hari ini. Mesyuarat itu dibuka Perdana Menteri China, Li Peng, Selasa lalu.

Bagaimanapun, Wolfensohn yang ditanya mengenai pendirian Bank Dunia mengenai masalah jerebu yang melanda Malaysia dan Indonesia itu berkata, pihaknya berpendapat wang bukanlah penghalang utama bagi negara terbabit ketika ini.

"Masalah utamanya ialah soal fizikal mengenai bagaimana usaha memadam kebakaran itu harus dilakukan dalam mencari penyelesaian sebenar kepada usaha menyelesaikan punca sebenar gejala itu," katanya.

Beliau berkata, walaupun sudah menawarkan bantuan kewangan kecemasan, ia masih belum dibincangkan sehingga ini kerana isu yang lebih penting ialah untuk mencari jalan bagaimana krisis itu boleh diatasi.

Sambil menjelaskan tidak banyak yang dapat dilakukan oleh Bank Dunia dalam krisis alam sekitar seperti itu, Wolfensohn berkata: "Apa yang kami katakan ialah kami sanggup memberi bantuan kewangan kecemasan, jika diperlukan."

Sambil menolak tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan Bank Dunia enggan campur tangan bagi menyelesaikan masalah itu, beliau berkata ia tidak benar kerana institusi berkenaan tidak perlu menunggu diminta oleh sesiapa untuk bertindak.

Beliau seterusnya mengingatkan masyarakat antarabangsa supaya memberi lebih tumpuan kepada isu alam sekitar pada masa depan dan tidak mengambil sikap sambil lewa sahaja kerana kestabilan alam sekitar perlu sentiasa dijaga.

Sementara itu, ketika menggulung mesyuarat IMF-Bank Dunia kali ini, beliau yang ditanya sejauh mana 'perang mulut' di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan George Soros memberi kesan, beliau berkata mesyuarat ialah forum terbuka untuk semua pihak mengetengahkan idea mereka.

"Saya tidak boleh campur tangan tetapi berpendapat, perdebatan di kalangan peserta lain berjalan dalam suasana biasa dan itulah sebabnya dua tokoh itu menjadi tumpuan utama media.

"Saya juga rasa untuk anda semua (media), ia (perdebatan Dr Mahathir-Soros) pasti lebih menarik dan itulah sebabnya kadangkala seolah-olah lebih banyak berita dilaporkan mengenai mereka berbanding perjalanan mesyuarat," katanya.

(END)